

27 JUN 2003

Rais-Rogol/I

PENJARA 30 TAHUN BAGI KES ROGOL DIBENTANG DI PARLIMEN SEPTEMBER

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Pindaan kepada Kanun Keseksaan untuk menaikkan penalti maksimum dari 20 kepada 30 tahun bagi sumbang mahram, rogol bunuh dan kes rogol lain, akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada persidangan September ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim hari ini berkata kabinet, pada mesyuaratnya minggu lepas, turut meluluskan hukuman sebatan bagi mereka yang berumur 50 tahun ke atas yang disabit melakukan kesalahan itu.

"Jika seorang yang berumur 50 tahun boleh merogol, bermakna dia boleh bertahan untuk disebat," katanya semasa menjelaskan rasional itu kepada pemberita selepas mempengerusikan satu sidang pleno pada persidangan tiga hari Perkhidmatan Awam di sini.

Undang-undang sekarang mengecualikan pesalah berumur 50 tahun ke atas daripada hukuman sebat.

Dr Rais berkata keputusan untuk menambah lagi penalti bagi kes rogol dalam jangka masa kurang dari dua tahun, adalah disebabkan meningkatnya jumlah kes sumbang mahram, rogol kemudian bunuh dan rogol rompak.

Kanun Keseksaan dipinda kali terakhir pada tahun 2001, antara lain untuk memasukkan hukuman sebatan mandatori bagi pesalah rogol dan sumbang mahram, selain mendefinisikan sumbang mahram dan memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun serta sebat mandatori bagi kesalahan itu.

Beliau berkata selain itu pindaan juga akan dibuat terhadap Kanun Keseksaan untuk memasukkan peruntukan mengenai anti-keganasan dan memperuntukan tempoh tertentu kepada polis memberikan maklum balas mengenai laporan yang dibuat oleh orang ramai tentang sesuatu kes.

"Rakyat berhak untuk menerima maklum balas sama ada akan ada susulan terhadap sesuatu kes itu," katanya.

Katanya jabatan itu juga akan meminda Kanun Acara Jenayah dan Akta Keadilan Jenayah berikutan dengan pindaan yang akan dibuat terhadap Kanun Keseksaan.

Dr Rais berkata walaupun rangka perundangan adalah sesuai dan lengkap untuk menangani peningkatan kejadian jenayah, terutama kes rogol bunuh, "kita kini perlu menterjemahkannya kepada penguatkuasaan yang berkesan."

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengarahkan menteri-menteri pada mesyuarat kabinet minggu lepas supaya lebih prihatin terhadap isu-isu jenayah kini.

-- BERNAMA

HK HK RON